

MPSAS 9

HASIL DARIPADA URUS NIAGA PERTUKARAN



GAMBARAN KESELURUHAN





OBJEKTIF

Menentukan pengolahan perakaunan hasil
daripada Urus Niaga Pertukaran

Untuk akaunkan hasil daripada **Urus Niaga Pertukaran**:



KECUALI Perusahaan Perniagaan Kerajaan (GBE)



URUS NIAGA PERTUKARAN

Menerima **aset** atau **perkhidmatan**, atau **liabiliti** dilangsaikan dan secara langsung memberikan **nilai yang hampir sama** (terutamanya dalam bentuk wang tunai, barang, perkhidmatan, atau penggunaan aset) kepada entiti lain sebagai pertukaran

NILAI SAKSAMA

- Amaun di mana **aset boleh ditukarkan** atau **liabiliti dilangsaikan**
- Di antara pihak yang **berpengetahuan** dan **bersetuju** dalam urus niaga secara **telus**



HASIL

- Aliran masuk **manfaat ekonomi** atau **potensi perkhidmatan** yang **telah diterima** dan **belum terima**



URUS NIAGA PERTUKARAN

terima dan beri nilai setara

Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran

(Revenue from
Exchange Transaction)



Jualan peta



BOND

Faedah



Jualan kraftangan



KHAZANAH
NASIONAL

Dividen




Royalti

- Diiktiraf dengan **merujuk kepada tahap kesempurnaan urus niaga** pada tarikh pelaporan
- Keputusan daripada urus niaga boleh dianggar apabila:
 - ✓ Amaun hasil boleh **diukur dengan pasti**
 - ✓ Kemungkinan **berlakunya manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan** akan mengalir kepada entiti
 - ✓ **Tahap kesempurnaan urus niaga** pada tarikh pelaporan boleh **diukur dengan pasti**
 - ✓ **Kos yang ditanggung** dan **kos untuk menyempurnakan** urus niaga itu boleh diukur dengan pasti
- Hasil akan diiktiraf hanya **setakat perbelanjaan yang boleh diperoleh semula sahaja** bagi penyediaan perkhidmatan yang **tidak dapat dianggarkan dengan pasti**



↗ Hasil dari jualan barang hendaklah **diiktiraf** apabila syarat berikut dipenuhi:-

- ✓ **Risiko dan ganjaran pemilikan barang** yang signifikan **telah dipindahkan** kepada pembeli
- ✓ **Kawalan yang efektif oleh penjual** telah tiada
- ✓ Amaun hasil boleh **diukur dengan pasti**
- ✓ Kemungkinan **manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan**
- ✓ **Kos yang telah** atau **yang akan ditanggung berhubung** dengan urus niaga tersebut **boleh diukur secara pasti**



FAEDAH, ROYALTI DAN DIVIDEN

- ✓ Terdapat **kemungkinan** bahawa **manfaat ekonomi** atau **potensi perkhidmatan** urus niaga tersebut akan **mengalir kepada entiti**
- ✓ Amaun hasil **boleh diukur** dengan pasti

Faedah	Royalti	Dividen atau agihan yang serupa
Berdasarkan perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif ke atas aset	Diperoleh menurut intipati perjanjian yang berkaitan	Apabila penetapan ke atas hak pemegang saham atau entiti untuk menerima bayaran tersebut




MPSAS 23

HASIL DARIPADA URUS NIAGA

BUKAN PERTUKARAN



GAMBARAN KESELURUHAN



OBJEKTIF





Apakah Skop Piawaian
Perakaunan Sektor Awam
Malaysia (MPSAS) 23 Hasil
daripada Urus Niaga
Bukan Pertukaran?

Entiti yang menyediakan dan mempersembahkan Penyata Kewangan di bawah perakaunan asas akruan

Piawaian ini tidak terpakai bagi penggabungan entiti walaupun ia merupakan Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus Niaga Bukan Pertukaran

Menerima daripada atau memberi kepada entiti lain tanpa secara langsung memberi atau menerima nilai yang hampir sama sebagai pertukaran

Contoh:

cukai, pindahan dan sumbangan



Cukai

manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang **mesti dibayar** atau **kena bayar selaras dengan undang-undang** dan peraturan yang termaktub **TETAPI** tidak termasuk **penguatkuasaan denda** atau **penalty** disebabkan ketidakpatuhan undang-undang

Contoh: GST, Cukai Pendapatan, Cukai Hartanah

Pindahan

Adalah aliran masuk manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran selain dari cukai dalam bentuk aliran masuk tunai atau bukan tunai

Contoh: geran, pelepasan hutang, denda, penalty, harta wasiat, hadiah, sumbangan, barang dan services in-kind

Ketetapan Pindahan Aset (Stipulations)


Terma undang-undang dan peraturan, atau ikatan aturan yang dikuat kuasa ke atas penggunaan pindahan aset oleh entiti luar kepada entiti pelaporan

1 BERSYARAT (CONDITIONS)

- Ketetapan khusus yang dikehendaki untuk digunakan oleh penerima seperti yang telah ditetapkan
- Jika tidak dipenuhi, aset perlu dipulangkan kepada pemindah

2 SEKATAN (RESTRICTIONS)

- Ketetapan yang menghadkan atau menjurus terus kepada kegunaan aset tersebut
- Tetapi tidak menyatakan bahawa aset perlu dipulangkan jika tidak digunakan seperti yang telah ditentukan



Meet

Definition of ASSET

resources controlled by an entity as a result of past events and from which future economic benefits or service potential are expected to flow to the entity

Meet

Recognition Criteria of Asset



- a. It is **probable** that future economic benefits or service potential associated with the item **will flow to the entity**; and
- b. The **cost or fair value** of the item **can be measured reliably**.

BERSYARAT (*CONDITIONS*)

Contoh

- Gov A beri geran RM10j kpd Gov B
- 40% untuk baikpulih *railroad* sedia ada
- 60% untuk bina *railroad* baharu
- Sekiranya **tidak dibelanjakan** seperti yang disyaratkan, geran tersebut hendaklah **dipulangkan** semula kepada Gov A
- Pengiktirafan?

Dt. Cash	RM10j
Kt. Liabiliti	RM10j
Dt. Liabiliti	RM4j
Kt. Hasil	RM4j

SEKATAN (*RESTRICTIONS*)

Contoh

- Gov C beri Tanah RM10j kepada Gov D
- Untuk bina universiti
- Tidak *specify* tanah perlu dipulangkan
- Pengiktirafan?

Dt. Tanah	RM10j
Kt. Hasil	RM 10j



CONTOH URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN

terima dan beri nilai tidak setara

Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

(Revenue from Non-
Exchange Transaction)



Saman
Trafik



Duti
Kastam




Cukai Individu
Cukai Syarikat



Kesihatan
Awam

- ↗ Aliran masuk sumber dari Urus Niaga Bukan Pertukaran (selain daripada services in kind) yang memenuhi definisi aset hendaklah diiktiraf sebagai aset hanya apabila:
 - Kemungkinan faedah masa hadapan atau potensi perkhidmatan aset tersebut akan mengalir masuk ke dalam entiti
 - **Nilai saksama** aset boleh diukur dengan pasti



PENGIKTIRAFAN DAN PENGUKURAN HASIL

- **Hasil** dari Urus Niaga Bukan Pertukaran hendaklah diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan
- Aset **hendaklah diiktiraf sebagai hasil**, kecuali setakat sehingga liabiliti juga diiktiraf seperti mana aliran masuk yang sama
- Apabila **obligasi semasa telah diiktiraf sebagai liabiliti hasil** daripada aliran masuk urus niaga pertukaran aset, **amaun bawaan liabiliti hendaklah dikurangkan dan iktiraf amaun hasil bersamaan dengan pengurangan amaun tersebut**
- **Hasil** dari urus niaga bukan pertukaran hendaklah diukur pada **pertambahan nilai aset bersih yang diiktiraf oleh entiti**.

- Entiti hendaklah **mengiktiraf aset** yang berkaitan dengan cukai apabila **peristiwa percukaian berlaku** dan **kriteria pengiktirafan aset dipenuhi dan diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan**
- **Hasil cukai** hendaklah ditentukan pada **nilai kasar**. Ia **tidak boleh dikurangkan** untuk **bayaran perbelanjaan melalui sistem cukai**
 - *(contoh: amaun yang perlu digunakan kepada penerima manfaat tidak kira samada mereka pembayar cukai atau tidak)*
- **Hasil cukai tidak boleh dikurangkan dari nilai kasar dari amaun perbelanjaan cukai**
 - *(contoh: peruntukan undang-undang cukai khusus yang diberikan kepada pembayar cukai tertentu dengan konsesi yang tidak diperolehi oleh pembayar cukai yang lain)*



PENGIKTIRAFAN PINDAHAN

- Pindahan Aset diiktiraf jika **definisi** dan **kriteria aset** dipenuhi
- Diukur pada **nilai saksama** pada tarikh pemerolehan

Pelepasan Hutang dan Andaian Liabiliti	Denda	Harta Wasiat
<ul style="list-style-type: none"> • Mengiktiraf hasil apabila hutang terdahulu tidak lagi memenuhi definisi • Hasil dari pelepasan hutang diukur pada nilai bawaan hutang dilepaskan 	<ul style="list-style-type: none"> • Melanggar kehendak undang-undang dan peraturan • Hasil diiktiraf apabila hasil belum terima menepati definisi/kriteria pengiktirafan aset dipatuhi 	<ul style="list-style-type: none"> • Pindahan dibuat berdasarkan kepada peruntukan wasiat harta si mati • Hasil diiktiraf apabila entiti mempunyai tuntutan yang dikuat kuasakan pada nilai saksama

PENGIKTIRAFAN PINDAHAN

Hadiah & Sumbangan, termasuk Goods <i>In-kind</i>	Services In-Kind	Tukar Janji (Pledges)
<ul style="list-style-type: none"> Hasil diiktiraf bila aset diiktiraf - biasanya apabila ianya diterima 	<ul style="list-style-type: none"> Sesebuah entiti boleh tetapi tidak dikehendaki untuk mengiktiraf services in-kind sebagai hasil dan sebagai aset <p>Contoh: Sukarelawan di hospital</p>	<ul style="list-style-type: none"> Tidak memenuhi definasi aset atau hasil Item tukar janji disusuli oleh pindahan - diiktiraf sebagai hadiah/ sumbangan

Terimaan Pendahuluan Pindahan

- Terimaan sumber sebelum aturan pindahannya menjadi terikat, sumber tersebut hendaklah diiktiraf sebagai aset apabila ia memenuhi takrif dan kriteria pengiktirafan aset.
- Entiti juga akan mengiktiraf liabiliti terimaan pendahuluan pindahan jika aturan pindahan itu belum menjadi terikat dan liabiliti tersebut dilunaskan dan hasil diiktiraf apabila kesemua syarat lain dalam ikatan pindahan telah dipenuhi.



Pinjaman Konsesi

- Pinjaman yang diterima oleh sesuatu entiti dengan terma yang lebih rendah daripada pasaran.
- Bahagian pinjaman yang perlu dibayar balik, bersama apa-apa pembayaran faedah, adalah suatu urus niaga pertukaran dan diambil kira menurut MPSAS 29, Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran.
- Sesuatu entiti perlu mempertimbangkan sama ada apa-apa perbezaan antara harga urus niaga (pinjaman yang diterima) dengan nilai saksama pinjaman itu pada pengiktirafan awal (rujuk MPSAS 29) adalah hasil bukan pertukaran yang patut diambil kira menurut Piawaian ini.



Pada muka penyata atau nota dalam penyata kewangan

- a. **Amaun hasil dari urus niaga bukan pertukaran** diiktiraf mengikut kelas-kelas utama yang **menunjukkan cukai dan pindahan diasingkan** mengikut kelas
- b. **Amaun liabiliti berkait** dengan pindahan aset diiktiraf bergantung kepada syarat dikenakan
- c. **Amaun aset diiktiraf** adalah bergantung kepada **sekatan dan jenis sekatan**
- d. **Amaun sedia ada untuk mana-mana terimaan terdahulu** yang berkait dengan urus niaga bukan pertukaran
- e. **Amaun liabiliti** yang dilepaskan

Hendaklah mendedahkan di nota kepada akaun dalam penyata kewangan

- a. **Dasar perakaunan** yang digunakan untuk pengiktirafan hasil dari urus niaga bukan pertukaran
- b. Bagi **kelas utama hasil** dari urus niaga bukan pertukaran, **asas pengukuran kepada nilai saksama** yang mengalir masuk
- c. Bagi kelas utama hasil cukai di mana entiti **tidak dapat mengukur dengan pasti** dalam tempoh di mana peristiwa cukai berlaku, maklumat berkenaan jenis cukai didedahkan
- d. **Jenis dan keadaan kelas utama wasiat si mati, hadiah dan sumbangan** ditunjukkan secara berasingan dengan kelas dalam bentuk barang diterima



PERUNTUKAN PERALIHAN

Dalam tempoh 3 tahun bermula daripada pelaksanaan perakaunan akruan

- Entiti tidak perlu mengubah polisi perakaunan berhubung dengan pengiktirafan dan pengukuran cukai.
- Entiti tidak perlu mengubah dasar perakaunan berhubung dengan pengiktirafan dan pengukuran hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran selain daripada hasil cukai.
- Entiti boleh mengubah dasar perakaunan berhubung dengan hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran berdasarkan kepada klasifikasi.

TARIKH KUAT KUASA

